



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Bertam

**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA
EN AMIR HEBERD BIN ABDULLAH
PENOLONG REKTOR KAMPUS BERTAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

**SEMPENA
KELUARGA BERTAM: RAIKAN BERSAMA
DI
FOYER BLOK MAKMAL**

**PADA
16 MEI 2024 / 5 ZULKAEDAH 1445H
(KHAMIS)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيَّنَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَخْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

1. **Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali**
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang
2. **Yang Berusaha Prof Madya Ir. Ts. Dr Hajah Siti Noraini Sulaiman**
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)
3. **Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr Basharudin Abdul Hadi**
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
4. **Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani**
Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri
Masyarakat & Alumni)
5. **Yang Berusaha En Mohamad Azwan Zai Zainal Abidin**
Pengarah Program Keluarga Bertam, Raikan Bersama
6. **Yang Berusaha Barisan Pengurusan, wakil dari syarikat konsesi, wakil Kesatuan Kakitangan Umum, pesara-pesara dari Kampus Bertam,**
7. **Ahli Jawatankuasa Program seterusnya warga Kampus Bertam yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Malaysia Madani

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama **memanjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T.** kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini, berhimpun untuk bersama-sama meraikan majlis “**Keluarga Bertam: Raikan Bersama**” sempena **sambutan Hari Raya peringkat Kampus Bertam**. Tidak lupa juga barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri, wakil Syarikat konsesi, wakil Kesatuan Kakitangan umum UiTM dan staf yang bersara yang hadir pada hari ini. Terima kasih banyak-banyak kerana sudi meluangkan masa untuk menyambut hari raya bersama kami, walaupun telah menginjak masuk ke dalam bulan Zulkaedah 1445H. Semoga kehadiran anda semua dapat memeriahkan lagi sambutan Hari Raya Kampus Bertam bagi tahun 2024.
2. Tahun ini majlis “**Keluarga Bertam: Raikan Bersama**” 2024 diharapkan dapat **mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kita semua dalam meraikan kemeriahkan syawal yang lalu**. Mudah-mudahan dengan terlaksananya aktiviti seperti ini, dapat menguatkan lagi ikatan sesama warga khususnya warga Kampus Bertam. **Dikesempatan ini juga marilah kita sama-sama memohon kemaafan. Kalau ada silap dan salah janganlah disimpan di dalam**

hati. Bersama-sama lah kita memberi kemaafan atas segala kekhilafan perbuatan secara sengaja atau tidak sengaja dilakukan. Semoga tiada hati yang terluka.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Tanggal 16 Mei hari ini adalah bersamaan dengan sambutan hari guru yang disambut setiap tahun di Malaysia. Sambutan ini penting bagi menghargai segala jasa dan pengorbanan mereka dalam mendidik kita sebagai insan yang berguna. Kejayaan kita pada hari ini tidak mampu tercapai tanpa bimbingan dan dorongan daripada guru sewaktu kita menuntut ilmu. Bagi menghargai jasa guru, marilah sama-sama kita meraikan ucapan selamat kepada guru-guru yang telah mendidik kita selama ini. “Selamat Hari Guru kepada semua barisan pensyarah”.

PENUTUP

4. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua warga Kampus Bertam yang banyak memberi kerjasama untuk menjayakan sambutan hari raya pada kali ini. Tidak lupa juga kepada mereka yang memberi sumbangan sama ada dalam bentuk wang atau sebaliknya. Semoga Allah SWT akan membalas segala kebaikan yang telah diberikan. Selamat Hari raya maaf zahir dan batin.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Terima kasih.